



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

STANDARD OPERATING PROCEDURE BAGI MEMPROSES PERMOHONAN PEROLEHAN BARANGAN IMPORT KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

I. TUJUAN

1. *Standard Operating Procedure* (SOP) ini bertujuan untuk menjelaskan prosedur menguruskan permohonan barangan import yang terdiri daripada peralatan perubatan, peralatan bukan perubatan, ubat-ubatan, *reagen* dan lain-lain perolehan barangan import yang berkaitan di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan dasar-dasar perolehan Kerajaan.

II. LATAR BELAKANG

2. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui surat bertarikh 22 Julai 2014 telah memutuskan untuk tidak lagi menguruskan permohonan perolehan barangan import bagi semua **agensi-agensi berkaitan**. Sehubungan itu semua jabatan/agensi yang ingin melaksanakan perolehan kerajaan bagi barangan yang diimport selaras dengan 1Pekeliling Perbendaharaan (PK 1/2013) tidak lagi perlu mengemukakan permohonan kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).
3. Kementerian Kewangan (MOF) melalui surat bertarikh 26 September 2014 telah memaklumkan bahawa Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk membuat semakan status barangan tempatan/import sebelum perolehan dilaksanakan. **Pegawai Pengawal diberi kuasa untuk mempertimbang dan meluluskan perolehan barangan import bagi peringkat Kementerian mengikut mekanisme yang dipersetujui oleh Pegawai Pengawal.**
4. Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengeluarkan surat edaran Ketua Setiausaha bertarikh 12 September 2014 kepada semua PTJ mengenai keputusan MITI dan MOF dan mengarahkan semua agensi kerajaan untuk merujuk terus kepada portal agensi-agensi berkenaan untuk mengenalpasti pengeluar/pemasang tempatan sebelum perolehan barangan import dibuat. **Jawatankuasa Penilaian Barangan Import** telah ditubuhkan di peringkat Kementerian.

